




LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 1 JUN 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	MALAYSIA IN APPLICATION TO EXPORT FRESH WHOLE DURIAN TO CHINA, NATION, CHINA PRESS -A8 SEEKING TO EXPORT FRESH DURIAN TO CHINA, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2 CUACA PANAS: BEKALAN AIR UNTUK TANAMAN PADI CUKUP, DALAM NEGERI, UM -35 PASARAN MODAL BOLEH BANTU MISI KETERJAMINAN MAKANAN, BISNES, SH -29	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
5. 6. 7.	LIMPAHAN REZEKI KETIKA MUSIM PANAS, NEGERI PAHANG, SH -23 BERTEMBUNG MUSIM DI NEGERI LAIN, DURIAN BALIK PULAU TETAP JADI PILIHAN, DALAM NEGERI, UM -31 LAMBAKAN DURIAN MUSIM KALI INI PUNCA HARGA JATUH, LOKAL, HM -21	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
8. 9.	KAISAR FARM BERKEMBANG SEJAK 2021, PERLIS, HAKAKAH -F6 BEKALAN LEMBU CUKUP UNTUK AIDILADHA, PERLIS, HAKAKAH -F6	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
10. 11.	CATAT REKOD NAIKAN 45 IKAN PATIN BUAH, TANGKAPAN TERTINGGI SEJAK 20 TAHUN, NEGERI PAHANG, SH -23 MAKANAN KHUSUS PERTAMA 'RAJA SUNGAI' PERCEPAT TUMBESARAN, GAYA INOVASI, UM -26	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
12. 13.	MUSANG KING MALAYSIA TIADA TANDINGAN, DALAM NEGERI, UM -31 DURIAN TOURISM 2023 PERKENAL BANYAK DESTINASI MENARIK, NEGARA, KOSMO -14	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
14. 15. 16.	MADA DIGESA TANGANI SEGERA MASALAH SALIRAN TERSEKAT SEJAK 10 TAHUN, NASIONAL, BH -24 CAP GESA ATASI SEGERA ISU SALIRAN DI PERLIS DAN KEDAH, DALAM NEGERI, UM -33 MADA AMBIL TINDAKAN AWAL TANGANI ISU SALIRAN, DALAM NEGERI, UM -33	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
17.	SABAH BEKAL IKANKE NEGERI SEMBILAN, MELAKA, DALAM NEGERI, UM -33	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
18.	CHALLENGES FACING BY RAUB DURIAN FARMERS, NATION, CHINA PRESS -A8	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
19. 20. 21. 22. 23. 24.	JUALAN MEGA EHSAN RAHMAH PERTAMA DI SELANGOR, DALAM NEGERI, UM -32 MUSIM DURIAN LONJAK TEMPAHAN HOTEL, NEGARA, KOSMO -14 HARGA RENDAH DI JUALAN MEGA EHSAN, NEGARA, KOSMO -16 PROGRAM JER TAWAR DISKAUN 30 PERATUS HARGA BARANG, NASIONAL, BH -21 SURI RUMAH 'SEDEKAH' GAJUS BERBUAH LEBAT, NEGARA, KOSMO -17 PASARAN MODAL BANTU CAPAI AGENDA JAMINAN MAKANAN, BISNES, BH -29	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Malaysia in application to export fresh whole durian to China		
MediaTitle	China Press		
Date	01 Jun 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A8	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	149 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,939
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,817



陳泓縑

申請榴槿鮮果輸華 農業部正著手處理

（吉隆坡31日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓縑指出，农粮部正在著手处理，积极申请取得榴槿鲜果的输华许可；他也吁请果农，通过正当贸易管道出口榴槿。

他说，若没有通过正当贸易管道出口榴槿，果农不仅无法取得最大的利益保障，更有可能拱手把大马猫山王的品牌变成了他人的嫁衣。

“我相信大家都不想见到这样的局面。我密切关注本地榴槿业最近掀起外国商人收购潮的事件。我必须在此重申，农粮部正在著手处理，积极申请取得榴槿鲜果的输华许可。”

他说，由于此事涉及两国之间的双边贸易协定和技术谈判，因此呼吁果农们现阶段保持耐心，因这过程需要时间去处理和完成。

陈泓縑今日针对本地榴槿业最近掀起外



国商人收购潮的事件，而在面子书发布文告时，这么说。

他说，大马榴槿以高端品质在国际市场占据天然优势，相信这点果农们也心里有数。

“与此同时，我也知悉本地果农正在面对的问题和挑战。我的办公室会跟进此事，以保障果农生计。”

Headline	Seeking to export fresh durian to China		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	01 Jun 2023	Color	Black/white
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	112 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 848
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,545



陈泓缣：勿让猫山王变他国品牌 积极申请榴梿鲜果输华

(吉隆坡 31 日讯) 农业及粮食安全部副部长陈泓缣指出，该部正在着手处理，以积极申请取得榴梿鲜果的输华许可。

他表示密切关注本地榴梿业最近掀起的外国商人来马收购潮的事件。

他指出，若没有通过正当贸易管道出口榴梿，果农不仅无法取得最大的利益保障，更有可能拱手把大马猫山王的品牌，变成他人的嫁衣。

由于此事涉及两国之间的双边贸易协定和技术谈判，他呼吁果农们在现阶段保持耐心，因为着手处

理和申请过程需要时间处理和完成。

副部长今日中午在其脸书贴文，针对劳勿果农采割猫山王、被外来收购商冠上泰国榴梿之名输往中国的媒体报道，发表文告。

“我相信大家都不想见到这样的局面。大马榴梿以高端品质在国际市场上占据天然优势，相信这点果农们也心里有数。我无需多说。

“与此同时，我也知悉本地果农正面对的问题和挑战。我的办公室会跟进此事，以保障果农们的生计。”

Cuaca panas: Bekalan air untuk tanaman padi cukup

Oleh **KAMALIZA KAMARUDDIN**
utusannews@mediamulia.com.my


KUALA TERENGGANU: Bekalan air untuk penanaman padi di seluruh Terengganu mencukupi walaupun berdepan dengan cuaca panas ketika ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr. Azman Ibrahim berkata, ia adalah hasil inisiatif kerajaan negeri menaik taraf sistem pengairan dan saliran dalam sektor pertanian padi sebelum ini.

Menurutnya, semua perancangan telah dibuat membolehkan kawasan sawah padi di negeri ini mendapat bekalan air.

Katanya, usaha itu turut dibantu dengan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan.

“Jumlah keluasan kawasan penanaman padi di negeri Terengganu ialah 12,542 hektar (ha). Daripada jumlah itu, 5,323 ha adalah kawasan dalam jelang manakala 7,221 ha lagi ialah kawasan luar jelang. “Purata pengeluaran hasil ialah



PESAWAH menanam padi di Kampung Temian Jerung, Pengkalan Berangan, Marang, Terengganu. - UTUSAN/PUOTRA HAIRRY ROSLI

sebanyak lima tan metrik sehektar untuk kawasan dalam jelang manakala bagi kawasan luar jelang anggaran hasil sebanyak tiga hingga empat tan metrik,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Tambahnya, paras air di dua empangan di Besut iaitu Empangan Paya Peda dan Empangan Jajar juga masih berada di paras yang normal ketika ini.

“Kedua-dua empangan yang menjadi nadi utama sistem pengairan padi di daerah Besut

itu masih berada pada paras normal walaupun musim kemarau. “Mengikut kebiasaan insya-Allah takungan air di kedua-dua empangan yang terletak di Hulu Besut ini mencukupi bagi musim menanam padi sekarang,” katanya.

TUKARAN ASING

MATA WANG	BELIAN	JUALAN
1 DOLAR AS	4.619	4.626
1 EURO	4.9234	4.9327
1 DOLAR SINGAPURA	3.4084	3.4143
1 POUND UK	5.7049	5.7154
100 RYAL SAUDI	123.1503	123.3436
100 RUPIAH INDO	0.0308	0.0309

Antaranya salurkan modal terus kepada pekebun dan usahawan tani serta perkasakan R&D

KUALA LUMPUR

Pasaran modal mampu menjadi pemboleh dan pemecut yang berkuasa untuk membantu Malaysia mencapai agenda ke-terjaminan makanan negara, kata Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).

Pengerusinya, Datuk Seri Dr Awang Adek Hussin berkata, akses kepada kewangan adalah kunci kepada masa depan yang lebih cerah untuk pertanian, terutamanya bagi pekebun kecil dan usahawan pertanian yang ingin memodenkan pertanian dan mengukuhkan penyelidikan

dan pembangunan (R&D).

"Cara pembiayaan alternatif seperti pembiayaan platform pendanaan ramai berasaskan ekuiti (ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (P2P) membolehkan pelabur yang mempunyai selera risiko yang lebih besar untuk menggerakkan modal terus kepada usahawan tani.

"Ini menyediakan lebih banyak pilihan untuk syarikat baharu dan pertumbuhan tinggi untuk mengakses modal yang berkaitan dengan profil risiko perniagaan mereka," katanya dalam ucapan perasmian di Persidangan Fintech SCxSC (SCxSC) Fostering Innovative Finance (Memupuk Kewangan Inovatif) pada Rabu.

Awang Adek berkata, kedua-dua ECF dan P2P telah menyokong lebih 7,000 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan mengumpul lebih RM4.40 bilion sejak diperkenalkan pada tahun 2015.

Selain itu, beliau menambah, Dana Pelaburan Bersama Malaysia (MyCIF) turut berkesan

Pasaran modal boleh bantu misi keterjaminan makanan

tingkat lebih daripada 300 peratus antara 2019 dan 2021.

"Pada 2022, MyCIF memperkenankan nisbah peruntukan khas 1:2 untuk sektor pertanian. Kami telah melihat daya tarikan untuk inisiatif ini, empat kali lebih banyak perniagaan tani mengumpul dana melalui platform ECF dan P2P," kata Awang Adek.

Jelasnya, sektor pertanian mewakili kira-kira 10 peratus daripada tenaga kerja negara dan menyumbang enam peratus daripada eksport keseluruhan Malaysia namun sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) secara relatifnya telah menurun.

Pada tahun 2022, sumbangan sektor pertanian kepada KDNK adalah 6.6 peratus berbanding 7.1 peratus pada 2021 disebabkan oleh peralihan struktur ekonomi negara kepada aktiviti yang berasaskan pertanian dan perkhidmatan.

Tambahnya, kedudukan Malaysia juga menurun dalam Indeks Keselamatan Makanan Global (GFSI) 2022. - Bernama



Pada tahun 2022, sumbangan sektor pertanian kepada KDNK adalah 6.6 peratus berbanding 7.1 peratus pada 2021 disebabkan oleh peralihan struktur ekonomi kepada perindustrian dan perkhidmatan.

dalam membantu usahawan tani untuk mendapatkan pembiayaan melalui ECF dan P2P.

MyCIF telah ditubuhkan oleh kerajaan pada 2019 untuk melabur bersama-sama pelabur swasta dalam PMKS dan per-

usahaan sosial melalui platform ECF dan P2P me-

ECF dan P2P, dan Malaysia merupakan negara pertama di rantau ini yang mengguna pakai model pelaburan bersama khusus untuk platform kewangan alternatif.

"Jumlah yang diperoleh melalui platform ECF dan P2P me-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/6/2023	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG	23

Limpahan rezeki ketika musim panas

Pekebun kecil tembikai raih 18 tan pengeluaran berbanding 10 hingga 12 tan pada tahun lepas

Oleh NORAWAZNI YUSOF
PEKAN

Pekebun kecil tembikai di Kampung Ubai di sini mampu meraih hasil sehingga 18 tan semusim bagi pengeluaran buah itu pada musim panas ini.

Husaini Abdullah, 46, berkata, cuaca panas sejak awal April lalu menyebabkan produktiviti tembikai meningkat sehingga 50 peratus berbanding musim lain.

Beliau berkata, ia sekali gus memberikan limpahan rezeki kepada pekebun kecil tembikai di Kampung Ubai di sini yang terlibat dengan aktiviti pertanian itu secara tradisi.

"Kali ini permintaan buah tembikai daripada pemborong dan peruncit cukup tinggi. Kalau ikutkan pasaran hanya sekitar Kuantan- Pekan, tapi saya turut terima tempahan dari Negeri Sembilan serta Selangor.

"Kalau sebelum ini saya hanya tuai hasil antara 10 tan hingga 12 tan semusim, tapi kali ini mampu meraih sehingga 18 tan semusim.

"Jadi, musim panas ini memberi rahmat (rezeki) kepada kami pekebun," katanya ketika ditemui kebun tembikai miliknya di Kampung Ubai di sini pada Rabu.

Dia memberitahu kebiasaan pekebun tembikai di Kampung Ubai mengusahakan tanaman tembikai dua kali setahun iaitu bermula penghujung Disember sehingga Mei.



Muhammad Ameer dan Husaini (kiri) mengakui musim panas membawa keuntungan berganda buat mereka apabila pengeluaran tembikai meningkat hingga 50 peratus.

Jelasnya, namun aktiviti penanaman itu akan berhenti antara Jun sehingga Ogos.

"Pada tempoh itu (Jun hingga Ogos) kita terpaksa berehat kerana cuaca pada ketika

itu tidak sesuai untuk penanaman tembikai.

"Jika kita meneruskan aktiviti penanaman itu, ia menyebabkan kos penjagaannya juga meningkat selain tanaman

akan lebih mudah terdedah dengan penyakit," ujarnya yang lebih 10 tahun mengusahakan tembikai jenis Boci.

Seorang lagi pekebun, Muhammad Ameer Faris Muhamad Akhir, 25, mengusahakan kebun tembikai di atas tanah seluas 0.6 hektar yang pernah diusahakan ibu bapanya sejak dua tahun lalu.

Ujarnya, terdapat kira-kira 1,500 pokok tembikai di kebun miliknya yang dianggarkan mampu menghasilkan buah sehingga 6,000 biji sepanjang musim ini.

Muhammad Ameer menambah, walaupun harga tembikai pada ketika ini lebih murah iaitu RM2 sekilogram, namun permintaan sungguh membarangsangkan.

"Kita masih dapat untung walaupun tembikai dijual pada harga rendah, tetapi kuantiti buah banyak dan permintaan tinggi membantu memberikan keuntungan berbanding pada musim sebelum ini," katanya.

Catat rekod naikan 45 ikan patin buah, tangkapan tertinggi sejak 20 tahun

TEMERLOH - Keadaan air sungai surut akibat musim panas yang melanda negara memberikan rezeki tambahan buat seorang pengusaha ikan sangkar, Mohd Syahir Hamka, 32, di Sungai Pahang, Kampung Pangsenam di sini.

Dengan menggunakan jaring hanyut, pemuda itu berjaya menaikkan 45 ekor patin buah bersama

rakannya, Mohd Syahrul Azlan, 30, pada Khamis lalu.

Menurutnya, jumlah itu juga melakar sejarah buat kaki pancing di sini yang dianggap tertinggi selepas 20 tahun.

"Paling banyak yang diceritakan oleh orang-orang tua kampung, sebanyak 29 ekor patin buah berjaya dinaikkan 20 tahun lalu.

"Ia juga pengalaman kali pertama dapat dalam jumlah banyak sebegini," kata pemuda itu kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Ujar Mohd Syahir, sebahagian ikan tersebut terjual kepada rakan-rakan serta penggemar ikan tersebut.

"Setakat ini di pasaran, harga ikan patin buah boleh mencecah hingga RM180 sekilogram.

"Selebihnya, buat makan sendin bersama keluarga kerana bukan mudah nak rasai keenakan ikan patin buah liar dari Sungai Pahang sendiri," tambah Mohd Syahir lagi.

Keistimewaan ikan patin buah adalah isi lebih pejal dan tidak mudah hancur apabila dimasak, selain mempunyai lemak yang sedap dimakan terutama di bahagian kepala ikan tersebut.



Mohd Syahir bersama 45 ekor ikan patin buah yang berjaya dinaikkan dari Sungai Pahang pada Khamis lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/6/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Bertembung musim di negeri lain, durian Balik Pulau tetap jadi pilihan

Oleh SAFINA RAMLI
utusannews@malayiakini.com.my

BALIK PULAU: Biar pun bertembung dengan musim durian Batu Kurau, Perak dan durian Pahang, buah durian dari Balik Pulau dijangka tetap dicari pengunjung terutama musim cuti sekolah ini. Seorang penjual durian Balik Pulau, Mohamad Fakhru Shahran, 30, berkata, ketika ini, setiap hari kira-kira dua tan buah durian pelbagai jenis termasuk durian kampung dijual di hadapan restoran miliknya iaitu Restoran Tong Kayu, di Bayan Lepas di sini.

"Mungkin jumlah jualan akan naik berganda memandangkan musim cuti sekolah telah bermula dan sekarang buah juga gugur dengan banyak."

"Ketika ini juga buah durian dari negeri-negeri lain seperti durian Batu Kurau, Perak, dan durian Pahang juga mula gugur, namun penggemar durian tetap mencari raja buah Balik Pulau memandangkan rasanya yang berlainan," katanya kepada Utusan Malaysia di sini.



MOHAMAD Fakhru Shahran (kanan) bersama pelanggan yang membeli buah durian Balik Pulau di gerai mereka yang terletak di hadapan Restoran Tong Kayu, Bayan Lepas, Pulau Pinang.

san Malaysia di sini.

Menurutnya, tahun ini merupakan tahun ke sembilan dia bergelar peniaga buah durian Balik Pulau dan mengambil keputusan untuk meluaskan perniagaan

raja buah itu dengan memajak dusun durian di Balik Pulau.

"Sebelum ini saya hanya mengambil buah durian dari pemilik dusun yang lain dalam kuantiti yang sedikit.

"Tahun ini saya bersama seorang rakan kongsi dari Langkawi memutuskan untuk memajak lebih 19 hektar dusun durian di Balik Pulau yang mempunyai 500 batang pokok durian pelba-

gai jenis termasuk buah durian kampung.

"Antara buah yang dijual pada musim durian kali ini ialah durian Musang King, durian duri hitam, IOI, kungpo dan lain-lain yang dijual mengikut harga pasaran," katanya.

Tambahnya, apa yang paling istimewa pada musim kali ini ialah dia menjual buah durian kampung pada harga RM5 sekilogram dan harga itu dikira sebagai berpatutan memandangkan kualiti durian kampung itu adalah antara yang terbaik.

"Saya terpaksa menutup tempahan dengan menggunakan WhatsApp keranaimbang sekiranya ada pesanan pelanggan yang saya terlepas pandang."

"Jadi pelanggan yang mahu mendapatkan durian Balik Pulau dari saya boleh terus datang ke restoran Tong Kayu di Bayan Lepas dan beli terus daripada saya."

"Buah durian Balik Pulau ini turut dapat dinikmati penduduk di Langkawi kerana saya dan rakan kongsi turut membawa buah ini untuk dijual di sana," katanya.

Musang King Malaysia tiada tandingan

RAUB: Musang King Malaysia termasuk dari daerah ini sudah mempunyai 'level' tersendiri di China sekali gus tidak akan terjejas eksportnya walaupun negara Tembok Besar tersebut sudah menanam 2,000 hektar durian di Pulau Hainan dan dijangka 2,450 tan metrik buah akan dituai bermula bulan ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan Pengusaha Tanaman Industri Daerah Raub, Nicky Koh Kuan Heng berkata, dari segi kualiti, Musang King Malaysia berada pada tahap terbaik dan tiada tandingan berbanding negara lain yang turut mengeksport ke China.

"Untuk kualiti durian terbaik, ia memerlukan pokok yang usianya cukup tua dan besar baharu isinya sedap. Di China, pokok di negara terbaharu enam ke tujuh tahun berbanding Malaysia 15 ke 20 tahun."


"Musang King Malaysia sudah ada nama dan dikenali di China

serta diiktiraf kualitinya. Rakyat di sana sudah dapat membezakan antara Musang King Malaysia dan negara luar seperti Thailand dan Vietnam," katanya.

Baru-baru ini ketika bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Datuk Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani berkata, pihaknya percaya Malaysia masih berpotensi mengeksport durian berdasarkan peningkatan permintaan peminat durian dari China.

Kuan Heng berkata, permintaan durian Musang King Malaysia di China ketika ini hanya dua peratus berbanding jumlah keseluruhan rakyatnya.

"Jumlah itu rendah jika dibandingkan dengan keseluruhan rakyat China, ia memang tidak mencukupi, jadi saya fikir pekebun durian Musang King Malaysia tidak perlu bimbang eksport ke China akan terjejas," katanya.



NASIR Majnon menunjukkan pelbagai jenis durian dijual di Taman Makmur, Batu Pahat.

Lambakan durian musim kali ini punca harga jatuh

Batu Pahat: Lambakan durian pada musim kali ini menyebabkan harga raja buah itu termasuk jenis musang king dan IOI jatuh berbanding tahun sebelumnya.

Musang king kini dijual RM20 hingga RM35 sekilogram berbanding RM40 hingga RM45 tahun lalu, manakala IOI dijual pada harga RM15 hingga RM18 berbanding RM25 hingga RM35 sekilogram musim lalu.

Peniaga durian di Muar, Mohd Faris Idris, 36, berkata perniagaannya musim ini agak mencabar memandangkan harga tidak boleh tinggi disebabkan permintaan kurang.

"Untung tak banyak. Tahun lalu banyak tempahan diterima dan saya dimaklumkan kilang sudah tidak lagi membeli musang king atau IOI untuk buat aiskrim kerana kebanyakan sudah tidak beroperasi," katanya ketika ditemui.

Seorang lagi peniaga, Muhammad Ali Rasidi Ibrahim, 39, berkata dia menurunkan sedikit harga kerana sambutan kurang menggalakan.

"Minggu lalu, saya jual



Untung tak banyak. Tahun lalu banyak tempahan diterima dan saya dimaklumkan kilang sudah tidak lagi membeli Musang King atau IOI untuk buat aiskrim"

Mohd Faris



Musang King kami jual antara RM30 hingga RM40, IOI (RM15 hingga RM25) dan durian kampung RM10. Hari ini mungkin harga tak sama dengan esok atau lusa"

Nasir

durian kacukan RM15 sekilogram tapi sambutan agak perlahan. Saya kemudian turunkan harga kepada RM12 sekilogram, alhamdulillah mula dapat sambutan.

"Sekarang harga durian bergantung kepada keadaan pasaran dan ketika ini kita tidak boleh letak harga terlalu tinggi yang menyebabkan kurang dapat sambutan," katanya yang berniaga di Peserai, di sini.

Sementara itu, Nasir Majnon, 41, pula berkata pasaran ketika ini berlaku turun naik harga untuk semua jenis durian.

"Musang king kami jual

antara RM30 hingga RM40, IOI (RM15 hingga RM25) dan durian kampung RM10. Hari ini mungkin harga tak sama dengan esok atau lusa.

"Apa yang saya perhatikan, durian kali ini luruh serentak terutama di Batu Pahat, Muar dan juga Pahang. Dulu kita boleh ambil durian dari Pahang jika di Batu Pahat belum tiba musim luruh.

"Sekarang luruh serentak jadi pasaran durian tidak meluas. Pahang tak boleh ambil di Batu Pahat, begitulah juga sebaliknya kerana masing-masing ada lambakan buah," katanya.

Kaisar Farm berkembang sejak 2021

Oleh **NOOR SARA MASHITOH**
MOHAMAD HANIF

PADANG BESAR: Berbekalkan azam yang tinggi untuk menjadi hub industri lembu pedaging Malaysia, Kaisar Farm kini semakin berkembang sejak ditubuhkan pada 30 Mac 2021 lepas.

Pengarah Urusan Kumpulan Kaisar, **Dato' Sri Norazam Shah Ibrahim** berkata, antara matlamat utama mereka ialah menampung pasaran Malaysia dengan membekalkan lembu pedaging daripada pelbagai jenis baka lembu.

"Sekarang ini kita di peringkat pertama iaitu lembu yang diimport pada 23 September tahun lepas, kini sudah boleh digunakan untuk Hari Raya Aidilfitri sebelum ini.

"Untuk hari raya Aidiladha pula kita sudah mula menerima tempahan dan setiap minggu kita hantar 200 ekor lembu ke negeri-negeri di selatan untuk kegunaan harian.

"Insya-Allah bekalan sehingga kini mencukupi, ada pelanggan dari Johor, Perak, Kuala Lumpur dan Perlis sendiri pun ada," katanya ketika ditemuramah di Ladang Ternakan Kampung Mengkuang, Kubang Tiga, Chuping di sini.

Pihaknya berhasrat di masa akan datang mereka sendiri memelihara lembu tanpa perlu

mengimport dari negara luar.

"Pada masa hadapan, jika kita mendapat bantuan dari kerajaan negeri seperti tanah dan infrastruktur yang diperlukan kita memang berhasrat untuk memelihara sendiri lembu.

"Kaisar akan ada baka betina dan boleh membiakkan sendiri, jadi tidak perlu lagi import dari negara luar seperti Thailand dan Myanmar," ujarnya lagi.

Kaisar mensasarkan memulakan penternakan sendiri lembu pada Jun akan datang.

"Insya-Allah selepas Hari Raya Korban nanti iaitu sekitar Jun depan kita dapat berbincang dengan kerajaan negeri untuk membiakkan sendiri seribu hingga dua ribu ekor lembu.

"Tahun yang ketiga kita tidak perlu lagi import dari luar," ujarnya lagi.



Pekerja Kaisar Farm memberi makan lembu.

Kumpulan Kaisar juga mempunyai Ladang fidlot di Thailand yang dimiliki oleh Kaisar Agro Farm Thai Company Limited di Prachuap dan Narathiwat, Thailand.

Ia dibangunkan bagi memudahkan urusan jual beli lembu pedaging masuk ke Malaysia.

Fidlot itu juga membantu membekalkan daging halal di Selatan Thailand, di mana tiada fidlot berdekatan.

"Dengan perkembangan Kaisar Farm dalam penternakan fidlot di Thailand, Kaisar Farm juga menjalin hubungan baik bersama badan Islam di Australia iaitu Australian Halal Development & Accreditation (AHDA) dan membuka syarikat di Australia di atas nama KKH International PTY LTD.

"Syarikat juga berhasrat untuk pembekalan sumber daging dari Australia untuk diimport dan dieksport ke negara Islam lain," katanya lagi.

Mereka bermula dari



Kaisar Farm memiliki jumlah lembu yang banyak bagi menampung permintaan.



Lembu yang cukup bekalan dan dijaga dengan rapi.

permulaan yang sederhana kepada perniagaan yang berkembang maju, merangkumi pelbagai jenis perniagaan.

"Bermula dari keselamatan dan pertahanan, penyimpanan senjata, minyak dan gas, penyiaran dan telekomunikasi, pembangunan tenaga kerja, teknologi marin, perkhidmatan maritim, makanan dan minuman, pembangunan hartanah, fintech dan perdagangan," katanya lagi.

Kumpulan Kaisar mempunyai 16 anak syarikat iaitu GMP Kaisar Security (M) Sdn Bhd, Kaisar Maritime (M) Sdn Bhd, Kaisar Farm (M) Sdn Bhd, Kaisar Properties (M) Sdn Bhd, Kaisar Com (M) Sdn Bhd,

Kaisar Petroleum (M) Sdn Bhd, Kaisar Land Development Sdn Bhd, Kaisar Fintech Capital Sdn Bhd, Kaisar Trading (M) Sdn

Bhd, GMP Kaisar (M) Sdn Bhd, GMP Kaisar Services Sdn Bhd, Kaisar Risk Resources, Kaisar Global Resources, Kaisar Food Trading (M) Sdn Bhd, Kaisar Agro Farm Thai Company Limited dan KKH International PTY LTD.

Visi beliau bagi mencipta empayar perniagaan yang berjaya menjadi kenyataan melalui kesungguhan dan kerja keras bertahun lalu.

Kini, kumpulan itu menjadi sebuah entiti yang menyediakan banyak peluang pekerjaan dan menyumbang kepada ekonomi negara.

Bekalan lembu cukup untuk Aidiladha

PADANG BESAR: Bekalan lembu di negeri ini dijangka mencukupi dan tidak menghadapi masalah menjelang sambutan Aidiladha tidak lama lagi.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Perlis, **Razali Saad** berkata, bekalan lembu tidak akan mengalami masalah seperti dua tahun sebelum ini akibat dari pandemik yang melanda negara.

"Berdasarkan maklumat yang kita terima, bekalan lembu pada tahun ini mungkin tidak ada masalah sangat

berbanding tahun sebelum ini.

"Ketika itu negara masih dalam keadaan pandemik dan berdepan masalah kemasukan lembu dari luar.

"Insya-Allah, anggota JPV juga akan turun padang sewaktu Aidiladha nanti bagi melakukan pemantauan dan lawatan ke pusat sembelihan untuk memeriksa daging korban agar tidak



Razali Saad bercakap kepada pemberita selepas melawat Kaisar Farm.

Veterinar (JPV) Negeri Perlis dalam mempermudah

dijangkiti penyakit atau sebagainya," katanya ketika melawat ladang penternakan lembu di Chuping, di sini hari ini.

Menurut Razali, hal tersebut berikutan persediaan awal yang dilakukan oleh pihak berwajib termasuk dari Jabatan Perkhidmatan

kelulusan permit kepada penternak di negeri itu.

"Kita juga memberi jaminan proses kelulusan permit sembelihan luar dan pergerakan lembu akan dibuka seawal dua minggu sebelum Aidiladha," katanya lagi.

Hadir sama Pengarah JPV Negeri Perlis, Dr Adam Kwan Abdullah dan Pengarah Urusan Kumpulan Kaisar Farm (M) Sdn Bhd, Dato' Sri Norazam Shah Ibrahim.

Sementara itu, ujarnya, kewujudan ladang penternakan lembu itu mampu menampung permintaan orang ramai di

negeri berkenaan pada musim perayaan.

"Walaupun ladang ternakan ini baharu beroperasi September lepas, namun saya lihat pengurusanannya sudah membuat persediaan awal dengan membawa 2,500 lembu dari Thailand sebagai persediaan Aidiladha nanti.

"Malah kerajaan negeri juga berharap agar ternakan lembu di sini bukan hanya sekadar transit untuk perayaan sahaja, namun dapat dikembangkan menjadi ladang pengganda bagi menghasilkan baka lembu di Perlis," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/6/2023	UTUSAN MALAYSIA	GAYA INOVASI	26

Makanan khusus pertama 'Raja Sungai' percepat tumbesaran

Oleh INTAN SUHANA CHE OMAR
intan.suhana@mediamula.com.my

IKAN Kelah atau julukan 'Raja Sungai' merupakan antara yang digemari oleh penternak dan pembiak kerana harga komersialnya yang lumayan.

Turut terkenal dengan nama empurau dalam kalangan penduduk Sarawak, jenis ikan itu mampu mencapai harga RM800 sehingga RM1200 sekilogram.

Bakal merencanakan lagi industri penternakan ikan berkenaan, Penyelidik Jabatan Akuakultur, Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Mohd. Salleh Kamarudin memperkenalkan inovasi makanan khas untuk jenis ikan berkenaan.

Katanya, pembangunan inovasi itu didorong oleh masalah mendapatkan makanan yang sesuai untuk pembangunan kultur jenis kelah merah sejak sekian lama.

"Selain pembiakan aruhan, satu masalah menyekat pembangunan kultur kelah merah iaitu mendapatkan jenis makanan paling sesuai untuk membolehkannya membesar dengan cepat bagi memperoleh pulangan lumayan.

"Makanan ikan yang diberi nama TropiCarp™ Premium Mahseer Feed dihasilkan daripada bahan-bahan premium dan halal yang berupaya memberikan kadar pertukaran makanan yang baik bagi ikan kelah dan memendekkan jangka masa penternakannya," katanya



SALLEH (kiri) bersama CEO Aquazfeed (M), Zul Aiman Hakiem memperkenalkan TropiCarp.

kepada *Utusan Malaysia*.

Tambahnya, teknologi TropiCarp adalah makanan khas ikan kelah pertama di Malaysia yang dihasilkan melalui penyelidikan komprehensif berkaitan keperluan nutriennya yang telah melangkaui lebih 10 tahun.

"TropiCarp™ Premium Mahseer Feed dibangunkan mengikut keperluan nutrien bagi tiga peringkat pembesaran ikan kelah merah atau empurau iaitu pemula, membesar dan pengakhir.

"Untuk mendapatkan pertumbuhan maksimum dalam penternakan, makanan khas kelah untuk setiap

peringkat pembesarannya sangat perlu dititikberatkan," tambahnya.

Bagi penghasilan teknologi TropiCarp, ia tidak mengandungi bahan terlarang dan pengilang juga mematuhi Good Manufacturing Practices (GMP) dan sistem pengurusan keselamatan makanan (HACCP).

Selain itu, teknologi yang dibangunkan itu juga mampu meningkatkan kadar pertumbuhan ikan kelah merah dengan lebih cepat.

Ia hanya mengambil masa selama satu setengah tahun berbanding menggunakan makanan ikan biasa yang mengambil masa



MAKANAN khas mampu tingkat kadar pertumbuhan lebih cepat.

tiga hingga empat tahun untuk membesar dan dikomersialkan.

Tambahan pula, kos makanan ikan kelah juga dapat dikurangkan kerana kadar penukaran makanan adalah dua.

Ini bermakna untuk mendapatkan berat ikan sebanyak 1 kilogram (kg), ia hanya perlu diberi makan dengan 2kg TropiCarp sahaja berbanding makanan ikan biasa.

Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan keuntungan penternak ikan kelah.

"Selain ikan kelah merah atau empurau, ia juga sesuai untuk tumbesaran ikan jenis lain seperti kelah biru, lampam sungai, temoleh, tenggalian, kerai kunyit dan sebarau.

"Teknologi baharu ini juga tidak mudah mengotorkan air di dalam tangki atau akuarium

kerana makanan akan terapung di permukaan air bagi membolehkan penternak memantau kualiti dan kuantiti ikan," jelasnya lanjut.

Penyelidikan ini dibangunkan melalui dana Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Universiti Putra Malaysia, Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) serta dana penyelidikan pembangunan InnoHub dan dihasilkan oleh syarikat pemula di bawah InnoHub, Putra Science Park UPM iaitu Aquazfeed (M) Sdn Bhd.

Setakat ini, ia berjaya meraih dua pingat perak pada Pameran Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi 2011 dan dua pingat perak pada Pameran Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi 2012.



PENTERNAK dapat meningkatkan produktiviti ikan kelah bagi tujuan komersial. - GAMBAR HIASAN



Keadaan sungai di Kampung Tok Pulau, Simpang Empat Perlis dipenuhi semak samun menyebabkan pengaliran air ke sawah tersekat. (Foto ihsan CAP)

MADA digesa tangani segera masalah saluran tersekat sejak 10 tahun

Georgetown: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menyiasat dan mengambil tindakan bagi mengatasi masalah saluran di hadapi kira-kira 2,000 petani di Kampung Tok Pulau, Simpang Empat, Perlis dan Kampung Pida 15, Sanglang, Kedah.

Keadaan yang berlarutan sejak lebih 10 tahun lalu, menyebabkan petani di kawasan berkenaan lewat memulakan kerja membajak dan menabur benih.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, petani juga mengalami kerugian kerana kerosakan tanaman padi akibat pengaliran air keluar masuk ke sawah mereka tersekat.

Katanya, tinjauan CAP mendapati sistem saluran sepanjang kira-kira enam kilometer yang dibina di kawasan itu tidak diselenggara dengan baik dan gagal berfungsi secara berkesan bagi kerja penanaman dan penuaian padi manakala sungai dan salirannya pula dipenuhi semak samun dan tidak dibersihkan.

"CAP memandang serius masalah yang dihadapi petani dan berharap pihak kementerian dan

MADA menyiasat secara menyeluruh punca sebenar kejadian serta mengambil tindakan berkesan bagi mengatasinya.

"Kita bimbang jika masalah itu berlarutan, ia bukan sahaja menjejaskan kehidupan mereka tetapi juga bekalan makanan dan sektor pertanian negara pada masa akan datang," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Petani rugi

Sementara itu, petani, Syed Mahadi Syed Salim, 52, berkata dia mengalami kerugian besar akibat kemusnahan pokok padi ketika musim menuai kerana air di dalam petak sawah tidak dapat keluar ke sungai berdekatan.

"Masalah ini sudah beberapa kali dikemukakan kepada pihak MADA tetapi tidak ada tindakan yang diambil," katanya.

Bagi Nikon Anak Lelaki Pin, 40, pula berkata, sungai dan saliran di kawasan itu bukan sahaja dipenuhi semak samun tetapi juga semakin cetek.

Katanya, selain kerja pembersihan perlu dilakukan dengan lebih kerap, sungai dan saliran di kawasan itu juga perlu dikorek bagi membuang lumpur dan sisa mendapan di dalamnya.

CAP gesa atasi segera isu saliran di Perlis dan Kedah

Oleh SYED AZLAN SAYID HIZAR
utusannews@mediamula.com.my

KANGAR: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mengambil tindakan segera dalam mengatasi masalah saliran yang sedang dihadapi oleh pesawah di Perlis dan Kedah.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader berkata, masalah itu menyebabkan ribuan petani di Kampung Tok Pulau, Simpang Empat Perlis dan Kampung Pida 15, Sanglang, Kedah tidak dapat mengusahakan tanaman padi.

Katanya, keadaan yang berlarutan sejak lebih 10 tahun lalu itu bukan sahaja menyebabkan para petani di kawasan berkenaan

lewat memulakan kerja-kerja membajak dan menabur benih, tetapi juga mengalami kerugian kerana kerosakan tanaman padi akibat pengaliran air keluar masuk ke sawah mereka tersekat.

"Dalam tinjauan yang dibuat CAP mendapati sistem saliran sepanjang lebih kurang enam kilometer yang dibina di kawasan tersebut tidak diselenggara dengan baik. Keadaan itu menyebabkan sistem saliran gagal berfungsi secara berkesan bagi kerja-kerja penanaman dan penuaian padi di sini setelah dipenuhi semak samun dan tidak dibersihkan," katanya sini semalam.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan kira-kira 2,000 pesawah kawasan Simpang Empat dan Sanglang dilaporkan terjejas ekoran masalah sistem saliran

yang menyebabkan mereka tidak dapat mengusahakan tanaman.

Para pesawah mendakwa, saluran air sepanjang 6.5 kilometer dari Sungai Tok Pulau hingga Sungai Pida 15 di Jalan Sanglang, Kedah itu sepatutnya diselenggara MADA empat kali setahun, namun, hanya dilaksanakan sebanyak dua kali sahaja dalam tempoh berkenaan.

Tambah Mohideen, CAP memandang serius masalah yang dihadapi oleh petani di sini dan berharap pihak Kementerian dan MADA menyasat secara menyeluruh punca sebenar dan mengambil tindakan mengatasinya.

Katanya, CAP bimbang jika masalah tersebut berlarutan dan ia bukan sahaja menjejaskan kehidupan mereka, tetapi juga bekalan makanan dan sektor pertanian negara pada masa akan datang.

Sementara itu, seorang petani, Syed Mahadi Syed Salim, 52, ketika ditemui memberitahu, dia mengalami kerugian besar akibat kemusnahan tanaman padi yang dialami pada musim menuai kerana air di dalam petak sawah tidak dapat keluar ke sungai berdekatan.

Katanya, masalah ini beberapa kali dikemukakan kepada pihak MADA tetapi tidak ada tindakan yang diambil.

Dalam pada itu, seorang lagi petani, Nikon Pin, 40, pula berkata, sungai dan saliran di kawasan berkenaan bukan saja dipenuhi semak, tetapi juga semakin cetek.

Nikon berpendapat, selain kerja-kerja pembersihan perlu dilakukan dengan lebih kerap, sungai dan saliran di sini juga perlu dikorek untuk membuang lumpur dan sisa mendapan di dalamnya.

Sabah bekal ikan ke Negeri Sembilan, Melaka

KLANG: Sabah akan membantu membekalkan ikan di Negeri Sembilan dan Melaka yang sedang mengalami kekurangan sumber protein itu apabila hanya mendaratkan makanan itu kurang daripada 5,000 tan metrik setiap bulan.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, pendaratan ikan yang dapat dilakukan oleh nelayan-nelayan di Sabah sekitar 9,000 hingga 10,000 tan metrik setiap bulan.

"Meskipun dihantar ke Negeri Sembilan dan Melaka, namun, bekalan ikan di Sabah diyakini masih lagi mencukupi untuk memenuhi permintaan dalam kalangan rakyatnya," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan Negeri Selangor Ke-38, semalam.

Beliau menambah, LKIM akan mengadakan perbincangan dengan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) dan pemain-pemain industri bagi merancang penghantaran bekalan makanan di kedua-dua negeri berkenaan.

Dalam pada itu, Muhammad Faiz menjelaskan, krisis yang dihadapi di Negeri Sembilan dan Melaka itu bagaimana-pun tidak menimbulkan kebimbangan terhadap bekalan ikan di seluruh negara.

"Bekalan ikan masih mencukupi di seluruh negara dan saya ambil contoh, Selangor masih cukup dengan pendaratan sekitar 5,000 hingga 6,000 tan metrik sebulan.

"Cumanya, saya minta nelayan di seluruh negara untuk cuba tingkatkan tangkapan ikan, supaya bekalan ikan bertambah banyak," ujarnya.

MADA ambil tindakan awal tangani isu saliran

KANGAR: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mengambil beberapa tindakan awal bagi menangani isu berhubung masalah sistem saliran yang menjejaskan tanaman pesawah di negeri ini.

Bagi tujuan itu, MADA mengenal pasti lokasi dibangkitkan oleh para pesawah yang bertempat di Sistem Blok Pengairan ALBD 7 dan ALBD 8 melibatkan empat lokasi iaitu Kampung Padang Petani, Kampung Bongor Kudung, Kampung Tok Pulau serta Kampung Pida 15 di Simpang Empat, di sini.

Pejabat Pengurus Besar MADA dalam satu kenyataan kepada *Utusan Malaysia* di sini berkata, pihaknya mengadakan pertemuan bersama pesawah pada 23 Mei lalu berkaitan dengan penyediaan pam diesel bagi membantu mengalirkan air dari parit ALBD 8 ke tali air sekunder ALBD 8.

"MADA juga menjalankan kerja-kerja pembersihan saluran air pusingan pertama sepanjang sistem ALBD 8 pada 19 Mei lalu, namun tumbuhan air yang tebal menyebabkan aliran air buangan perlahan.

"Di samping itu, lembaga ini turut melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan di ALBD 8 dengan menggunakan jentera berat di parit-parit tersier sepanjang 2,350 meter dan 1,150 meter di



PENGALIRAN sawah untuk penanaman padi terjejas akibat masalah sistem saliran.

Parit Bongor Kudung pada bulan April lalu," katanya.

Semalam, *Utusan Malaysia* melaporkan kira-kira 2,000 orang pesawah kawasan Simpang Empat dan Sanglang dilaporkan terjejas ekoran masalah sistem saliran yang menyebabkan mereka tidak dapat mengusahakan tanaman.

Para Pesawah mendakwa, saluran air sepanjang 6.5 kilometer dari Sungai Tok Pulau hingga Sungai Pida 15 di Jalan

Sanglang, Kedah itu sepatutnya diselenggara MADA empat kali setahun, namun, hanya dilaksanakan sebanyak dua kali sahaja dalam tempoh berkenaan.

Tambah kenyataan itu, langkakah awal dilaksanakan MADA itu sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kesan air lebihan terhadap aktiviti tanaman padi.

"MADA juga akan menjalankan kerja-kerja pembersihan saluran air pusingan kedua pada

15 Jun ini disamping melakukan pembersihan tumbuhan air di tali air sekunder ALBD 8," katanya.

Dalam pada itu, MADA berkata, pihaknya juga merancang tindakan jangka panjang dengan melaksanakan kerja-kerja pemulihan parit sekunder terliat iaitu ALBD 8 sepanjang 6.75 kilometer dengan turut memba-bitkan kerja-kerja pembuangan enapan, menjalankan cucian berat serta meninggikan ban.

Pengunjung pilih datang pada cuti sekolah untuk nikmati raja buah di Pulau Pinang

Musim durian lonjak tempahan hotel

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Tempahan hotel di Pulau Pinang melonjak sehingga 90 peratus sempena Cuti Penggal Satu Persekolahan 2023/2024 dan musim pertama durian Balik Pulau tahun ini.

Pengerusi Persatuan Hotel Malaysia (MAH) Pulau Pinang, Tony Goh berkata, kebanyakan hotel di negeri ini terutama di pusat bandar sudah menerima tempahan yang menggalakkan daripada pengunjung domestik dan luar negara.

Menurutnya, berlaku pertambahan jumlah tempahan hotel bertaraf empat bintang dan bajet mulai semalam dan dijangka penuh sehingga hujung minggu ini.

"Kira-kira 90 peratus tempahan telah dibuat di hotel berdekatan pantai, manakala 70 hingga 80 peratus membabitkan tempahan hotel di pusat bandar George Town setakat hari ini (semalam).

"Musim durian yang bermula sejak awal Mei lalu membuatkan tempahan bilik hotel di negeri ini laris.

"Kebanyakan pengunjung hanya menunggu tibanya musim durian Balik Pulau dan disambut pula dengan cuti persekolahan. Memang ramai akan mengambil peluang berkunjung dan menginap di hotel kali ini," katanya kepada Kosmo di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, pihak hotel juga kini mula mempromosikan pakej dan buffet menikmati raja buah itu mulai 1 Jun ini.

"Pelbagai pakej durian menarik turut ditawarkan termasuk menikmati durian tempoh



KEDATANGAN pengunjung ke Pulau Pinang meningkat pada musim cuti persekolahan kali ini. GAMBAR HIASAN

masa yang ditetapkan dengan kadar bayaran minimum di hotel termasuk pembelian secara pakej.

"Saya juga menjangkakan harga durian Balik Pulau tahun ini juga stabil dan sama seperti tahun lalu.

"Para penggemar raja buah itu yang juga pengunjung hotel berpeluang menikmati durian



MUSIM durian Balik Pulau antara tarikan utama pelancong datang ke Pulau Pinang. GAMBAR HIASAN

Musim durian yang bermula sejak awal Mei lalu membuatkan tempahan bilik hotel di negeri ini laris. Kebanyakan pengunjung hanya menunggu tibanya musim durian Balik Pulau dan disambut pula dengan cuti persekolahan."

TONY GOH

keluaran negeri ini pada harga berbaloi," ujarnya.

Sementara itu, seorang pengunjung dari Kuala Lumpur, Izhan Ahmad, 43, berkata, dia mengambil kesempatan dengan bercuti bersama keluarga selama empat hari di pusat bandar ini sejak semalam.

Katanya, tujuan utama dia berkunjung ke Pulau Mutiara adalah semata-mata mahu menikmati durian di dusun Balik Pulau.

"Kami sanggup melabur wang gaji dengan memilih penginapan hotel di Tanjung Bungah dan menikmati durian premium seperti musang king dan duri hitam.

"Ini antara percutian tahunan kami di Pulau Pinang setiap kali tibanya musim durian, namun kali ini, kami memilih datang ke sini pada hari bekerja ketika cuti persekolahan.

"Tak perlu lagi nak bergelut menempuh kesesakan di jalan-jalan utama dan di lebuhraya," ujarnya.

Durian Tourism 2023 perkenal banyak destinasi menarik



SHAHRIN (tiga dari kiri) ketika Majlis Perasmian Pakej Durian Tourism 2023 di Happy Fruit Tangkak, Segamat semalam.

TANGKAK – Tourism Malaysia yakin pelancaran kempen pakej Durian Tourism 2023 yang bermula 30 Mei lalu selama sebulan akan memeriahkan serta mampu mempromosikan musim durian di seluruh negara.

Menurut Pengarah Pembangunan Pakej Tourism Malaysia, Shahrin Mokhtar, kempen tersebut mendapat kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) serta 13 pengendali pelancongan tempatan.

Katanya, durian Tourism 2023 menawarkan 18 pakej menarik sebagai pilihan kepada pelancong bermula RM50 seorang untuk buffet durian dan pakej tiga hari dua malam daripada RM1,740 seorang dengan tempahan minimum 15 orang.

"Melalui kempen pakej Durian Tourism 2023 ini, ia akan dapat memperkenalkan lebih banyak destinasi yang mampu memberi impak kepada kegiatan ekonomi setempat.

"Antara aktivitinya seperti mengutip, makan durian dan buah-buahan lain, selain menyediakan pelbagai minuman berasaskan pala, membuat tempoyak serta merasa pengalaman tinggal di kampung.

"Menerusi permintaan tinggi terhadap produk pelancongan sebegini, pembangunan infrastruktur diharapkan akan bertambah baik.

"Selain itu, wujud jaringan perniagaan kukuh bukan sahaja dalam kalangan penggiat industri secara khusus, malah meliputi pelbagai sektor lain," katanya.

Beliau mewakili Ketua Pengarah Tourism Malaysia, Datuk Dr. Ammar Abd. Ghapar ditemui ketika majlis pelancaran kempen itu berlangsung di Happy Fruit Tangkak di sini.

Tambahnya, pakej-pakej yang ditawarkan adalah di Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Pahang dan Johor.

Shahrin berkata, bagi edisi kali ini, Tourism Malaysia mengambil inisiatif untuk memasarkan pakej Durian Tourism 2023 di luar negara seperti China, Hong Kong, Taiwan, Singapura dan Brunei.

Orang ramai boleh mengimbas kod QR yang disediakan ataupun menerusi laman web Tourism Malaysia di www.malaysia.travel untuk mengetahui maklumat lanjut berkenaan pakej-pakej yang ditawarkan.

Headline	Challenges facing by Raub durian farmers		
MediaTitle	China Press		
Date	01 Jun 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A8	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	293 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,780
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,339



致函求助劉天球 勞勿榴槤農挑戰多

【关丹31日讯】劳勿榴槤农致函行动党双溪比力州议员刘天球，向后者诉说面对的挑战，包括成本高涨、不公平榴槤分级制、出口准证垄断影响盈利、极端天气等问题，冀政府关注及提供援助。



■刘天球

刘天球昨晚在面书上载来自一名劳勿榴槤农的来函。

该榴槤农说，他和其他园主面对诸多挑战，一些是超出控制范围内，如极端天气；一些则是政策上的问题，并对小园主造成严重打击。

“政府只对少数大企业发出出口准证，造成垄断。这些出口商自去年起推出不公平的分级标准系统，如A果猫山王被降级至B果等，以此推类，造成每公斤的出厂价下滑60至80%。”

他说，在受到地缘政治和供应链中断影响下，肥料及农药也涨价100%，导致成本上升，榴槤农盈利减半，只有少数企业从中获利。

“去年的介壳虫侵扰，也使

成本大幅度增加，产量受到不利影响，同时也没获得政府的协助，一切都自行解决。”

他说，今年同样也面对害虫及疾病问题，如介壳虫侵扰、茎蛀虫攻击、坎克攻击及艾尔尼诺现象

等。“如果趋势持续下去，我们别无选择，只能被迫削减成本，这会影响榴槤品质，如颜色、味道和香气。”

他说，也已致函农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布及副部长陈泓谦求助。

“我促请政府介入及帮助我们。”

他也分享当地目前的情况，榴槤农近日与泰国收购商合作，通过“上树割果”方式，采割成熟度达70%至80%的猫山王榴槤，取代成熟榴槤自掉的传统方式，出口至中国。

“不少劳勿榴槤农响积极响应，主要是高出5令吉的每公斤榴槤收购价，及榴槤果重量增加约10至15%。”



■一名劳勿榴槤农致函刘天球，提出种植及销售榴槤所面对的挑战。

这名劳勿榴槤农也向政府提出7项建议，包括发出更多出口准证、直接以鲜果出口中国、设立榴槤研发中心、加强宣传等，以推动榴槤业发展。

1.通过发出更多出口准证鼓励良性竞争，打破垄断，条件是必须附有对公平的分级标准系统，对种植者和消费者才公平。现阶段有人以B果当成A果在中国出售。可否援引反暴利法令对付这些人？

2.越南及菲律宾开始以整粒榴槤鲜果出口至中国，大马为何不能？

向政府提7建議

3.成立榴槤委员会，与各利益相关者商讨榴槤事宜。

4.设立榴槤种植研发中心

5.大马联邦农业销售局（FAMA）应设立榴槤宣传小组，加强我国榴槤在中国的宣传，寻找新市场，不能过于依赖中国市场。

6.应鼓励信誉良好的欧盟肥料制造商在我国设厂，以满足东协市场的需求，此举有助于降低榴槤农的成本。

7.向落实智慧和精准农业作业的种植者提供软贷款。

Harga rendah di Jualan Mega Ehsan

AMPANG – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor bersama Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) melancarkan Program Jualan Mega Ehsan Rahmah (JER), semalam.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, program itu merupakan yang pertama diadakan melibatkan 56 kawasan DUN di Selangor.

Katanya, program itu menawar dan memfokuskan penjualan bagi tujuh jenis barang keperluan asas utama pada harga runcit serendah 30 peratus berbanding harga pasaran.

"Antara barangan yang ditawarkan kepada pengguna seperti ayam segar, beras, telur ayam, minyak masak, ikan, gula pasir dan daging sejuk beku.

"Tempoh bagi jualan JER ini akan berlangsung selama tiga jam sahaja dengan konsep premis terbuka," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran program itu di Dewan Serbaguna Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) AU2 di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.



SALAHUDDIN (dua dari kiri) dan Amirudin menyantuni pengunjung yang membeli barangan di Ampang Jaya semalam.

Salahuddin berkata, kerjasama strategik itu adalah idea penggabungan dan penyelarasan dua program di bawah inisiatif kos sara hidup iaitu Program Jualan Rahmah dan Jualan Ehsan Rakyat di Selangor.

"Seterusnya, hasil penjenamaan semula ini adalah disebabkan kedua-dua program ini mempunyai objektif, modus pelaksanaan dan golongan sasaran yang hampir serupa.

"Susulan itu, kita dapat mengurangkan kos pelaksanaan, meningkatkan impak dan memberi manfaat kepada lebih ramai golongan yang kurang berkemampuan di negeri Selangor," ujarnya.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, program itu juga menunjukkan komitmen dalam memastikan setiap rakyat negeri Selangor mendapat manfaat dengan inisiatif kerajaan negeri.

Program JER tawar diskaun 30 peratus harga barang

Inisiatif KPDN, kerajaan Selangor bantu orang ramai beli barangan asas

Oleh Tutty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Ampang Jaya: Orang ramai boleh menikmati penjimatan harga barang keperluan asas sehingga 30 peratus menerusi Program Jualan Mega Ehsan Rahmah (JER) yang dilancarkan, semalam. Menteri Hal Ehwal Pengguna

dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, JER menawarkan tujuh jenis makanan, iaitu ayam, beras, telur ayam, minyak masak, ikan, gula dan daging beku.

Katanya, inisiatif itu dijalankan melalui kerjasama KPDN dan Kerajaan Negeri Selangor yang menggabungkan inisiatif Payung Rahmah dan Jualan Ehsan di 56 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor.

“JER adalah sinergi dua program antara KPDN dan Kerajaan Negeri Selangor yang sudah pasti rakyat mendapat keuntungan.

“KPDN sentiasa memikirkan bagaimana konsep seperti JER ini dapat kita dijayakan, malah



Salahuddin bersama Amirudin (kanan) bersama pengunjung membeli barang keperluan selepas merasmikan program JER di Dewan Serbaguna MPSJ, AU2, Taman Keramat, semalam. (Foto Fathil Asri/BH)

KPDN sentiasa proaktif mengadakan libat urus bersama pemain industri,” katanya selepas melancarkan program JER bersama Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari di Dewan Serbaguna MPSJ, AU2, di sini, semalam.

Bantu golongan B40

Sementara itu, Amirudin berkata, pihaknya mengangarkan penjimatan mencecah RM18 juta dinikmati penduduk Selangor sejak Program Jualan Ehsan dilancarkan tahun lalu.

Katanya, kerjasama pihaknya dan KPDN diharap dapat membantu lebih ramai rakyat yang memerlukan, terutama golongan B40.



Orang ramai memilih barang keperluan seperti ikan dan daging beku.

Suri rumah 'sedekah' gajus berbuah lebat

KUALA TERENGGANU – Seorang suri rumah bermurah hati berkongsi rezeki dengan memberi buah gajus secara percuma sehingga beratus-ratus orang telah datang ke kediamannya untuk mengambil buah tersebut.

Norliza Ibrahim, 57, berkata, sebatang pokok gajus di laman rumahnya kini sedang berbuah lebat sehingga tidak habis dimakan oleh keluarganya.

"Sekarang ini musim buah gajus atau dipanggil jambu golok oleh masyarakat tempatan dan ia amat popular untuk dimasak lemak sotong.

"Begitupun, saya difahamkan ramai mengeluh jambu golok kini semakin sukar didapati di pasar-pasar ekoran pokoknya sudah semakin kurang ditanam," katanya ketika ditemui di Kuala Ibai, di sini kelmarin.

Katanya, gajus tersebut pada mulanya hanya diambil oleh

saudara-mara dan jiran-jiran, namun permintaannya semakin tinggi sebaik dia menguarkannya di media sosial.

"Ramai dari luar daerah termasuk ibu mengandung yang mengidam datang ke rumah saya untuk mengambil jambu golok tersebut.

"Beratus-ratus orang telah datang mengambil buah gajus, malah ada juga permintaan terutama dari luar Terengganu untuk saya poskan buah itu, tetapi tidak dapat ditunaikan kerana bimbang buah akan rosak," ujarinya.

Dia berkata, walaupun harga buah gajus mencecah RM12 sekilogram di pasaran, dia tidak mahu menerima sebarang bayaran kerana niatnya hanya mahu bersedekah.

"Hati saya gembira apabila hasil daripada sebatang pokok jambu golok yang ditanam pada 2018 ini dapat dinikmati ramai orang," katanya.



NORLIZA menunjukkan hasil buah gajus dari sebatang pokok di laman rumahnya di Kuala Ibai, Kuala Terengganu.

Jualan mega ehsan rahmah pertama di Selangor

Oleh **MARLISA ANTONY**
dan **NUR SABRINA MOHD ROZI**
utusannews@mediamulla.com.my

AMPANG: Rakyat Selangor berpeluang mendapatkan barangan keperluan serendah 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran pada Program Jualan Mega Ehsan Rahmah (JER) yang dilancarkan buat pertama kali semalam.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, ini merupakan satu berita gembira buat rakyat negeri ini kerana rakyat mendapat keutungan kerana dapat membeli dengan harga yang lebih murah.

"Tujuh jenis barang keperluan asas utama pengguna seperti ayam segar, beras, telur ayam, minyak masak, ikan, gula pasir dan daging sejuk beku dijual di mana tempoh jualan adalah selama tiga jam dengan konsep premis terbuka.

"JER ini akan membantu isi rumah yang memerlukan terutamanya golongan berpendapatan rendah B40 dan Kementerian akan terus kekal proaktif



ORANG ramai membeli barangan di Tapak Jualan Mega Ehsan Rahmah (JER) Dewan Serbaguna Majlis Perbandaran Ampang Jaya, semalam.

melakukan libat urus dengan semua pemain industri.

"Tanpa keterlibatan pemain industri dan tokoh-tokoh korporat, kita tidak akan berjaya. Petang ini, kita akan bawa dalam mesyuarat Kabinet untuk dibincangkan dengan lebih lanjut," katanya selepas merasmikan

kan Majlis Pelancaran Program Jualan Mega Ehsan Rahmah di Dewan Serbaguna Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), di sini, semalam.

Program JER Selangor ini merupakan kerjasama strategik yang digerakkan antara Kementerian Perdagangan Dalam

Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor bersama Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

Kerjasama ini adalah gabungan dan penyelarasan dua program iaitu Program Jualan Rahmah dan Jualan Ehsan Rakyat yang dijenamakan semula ke-pada JER.

Salahuddin turut berkata, terdapat lagi satu berita gembira buat rakyat di mana KPDN sedang menerokai untuk melaksanakan jualan barangan elektrik rahmah dalam masa terdekat.

"Terdapat syarikat yang sudah menghubungi kami dan libat urus sudah dimulakan, jadi, dalam masa terdekat, rakyat boleh membeli barangan elektrik dengan harga yang rahmah," katanya.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, Jualan Ehsan Rakyat di Selangor sejak September tahun lepas mencapai kutipan RM37 juta dan memberi penjimatan RM18 juta wang rakyat.

Pasaran modal bantu capai agenda jaminan makanan

Akses kewangan secara terus kepada usahawan tani tingkat pertumbuhan sektor pertanian

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Pasaran modal boleh menjadi pemboleh dan pemecut yang berkuasa untuk membantu Malaysia mencapai agenda jaminan makanan.

Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Datuk Dr Awang Adek Hussin, berkata akses kepada kewangan adalah kunci kepada masa depan yang lebih cerah untuk pertanian. Katanya, ini khusus untuk pekebun kecil dan usahawan pertanian yang ingin memodenkan pertanian dan mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Saluran pembiayaan alternatif seperti pembiayaan pendanaan ramai ekuiti (ECF) dan rakan setera (P2P) membolehkan pelabur yang mempunyai selera

risiko yang lebih besar dapat menggerakkan modal secara terus kepada usahawan tani.

"Ini menyediakan lebih banyak pilihan untuk syarikat yang lebih muda dan mempunyai pertumbuhan tinggi untuk mengakses modal yang berkaitan dengan profil risiko perniagaan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pembukaan pada persidangan Teknologi Kewangan (Fintech) SC x SC di Kuala Lumpur, semalam.

7,000 PMKS dapat manfaat
Mengulas lanjut, Awang Adek berkata, sejak diperkenalkan pada 2015, kedua-dua ECF dan P2P sudah menyokong lebih 7,000 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), membantu mereka mengumpul lebih RM4.4 bilion.

"Daripada jumlah itu, hanya 600 PKS berkaitan pertanian di seluruh rantau nilai iaitu hulu, pertengahan dan hiliran, mengumpul hampir RM300 juta dan ini menunjukkan masih ada ruang untuk pertumbuhan.

"Di samping itu, saya ingin bercakap mengenai Dana Pelaburan Bersama Malaysia (MyCIF) yang berkesan dalam membantu usahawan tani untuk mendapatkan pembiayaan



Akses kepada kewangan membantu pekebun kecil dan usahawan memodenkan pertanian. (Foto hiasan)

melalui ECF dan P2P.

"Seperti yang anda sedia maklum, kerajaan sudah menubuhkan MyCIF pada 2019 untuk melabur bersama pelabur swasta dalam PMKS dan Perusahaan Sosial melalui platform ECF dan P2P," katanya.

Malah, Malaysia katanya adalah negara pertama di rantau ini yang menerima pakai model pelaburan khusus untuk platform kewangan alternatif.

Awang Adek berkata, MyCIF memainkan peranan penting dalam menyediakan pembiayaan kepada PMKS ketika pandemik COVID-19.

"Ia membantu dan menurunkan nisbah pelaburannya kepada 1:2 untuk membolehkan lebih banyak lagi dana untuk disalurkan kepada PMKS.

"Hasilnya, jumlah yang diperoleh pada ECF dan platform P2P meningkat lebih daripada 300 peratus antara 2019 dan 2021. Pada 2022, MyCIF memperkenalkan nisbah peruntukan khas 1:2 untuk sektor pertanian.

"Kami melihat daya tarikan untuk inisiatif ini. Pada 2022, empat kali ganda jumlah perniagaan pertanian mengumpul dana melalui platform ECF dan P2P," katanya.